

## KEBANGKITAN ISLAM MENURUT DR. MAHATHIR

WAWANCARA Dr. Nazir Khaja bagi pihak majalah *The Minaret* dengan Datuk Seri Dr. Mahathir dalam keluaran Mei/Jun 1994 majalah itu menarik perhatian Lanang.

*The Minaret* diterbitkan dua bulan sekali oleh Multimedia Vera International, sebuah organisasi sukarela yang bergabung dengan Pusat Islam Selatan California. Dr. Nazir pula ialah Pengarah Pusat Maklumat Islam (Islamic Information Service) yang beribu pejabat di Los Angeles.

Bagi Dr. Mahathir salah satu punca kelemahan ummah hari ini ialah kerana mereka tidak memenuhi tuntutan yang diharapkan oleh agama mereka sendiri. Mereka juga gagal mengamalkan ajaran Islam yang sebenar. Sebagai contoh, Islam sejak awal lagi menggalakkan pengajian ilmu-ilmu sains, perubatan, matematik, fizik dan sebagainya. Sebaliknya umat Islam hari ini hanya menjuruskan perhatian untuk mempelajari soal-soal amalan (*ritual*) dan undang-undang Islam.

Sebagai akibatnya umat Islam telah melupakan warisan saintifik dan profesional yang menjadi kebanggaan mereka satu ketika dahulu. Beliau juga kesal bahawa umat Islam hari ini tidak lagi menguasai bidang-bidang yang satu ketika dahulu dipelopori oleh sarjana dan pemikir Islam. Mereka menjadi mundur serta lemah dan lama-kelamaan ditakluki dan dikuasai oleh Barat.

Menurut Dr. Mahathir, umat Islam belum sepenuhnya sembuh dari melapetaka ini. Sebahagiannya disebabkan oleh kepercayaan bahawa ilmu pengetahuan sebenarnya "tidak Islamik" maka itu tidak cocok dengan Islam. Kekurangan ilmu pengetahuan telah menyebabkan umat Islam hari ini gagal mencapai kejayaan yang telah diperolehi oleh orang lain.

Dr. Mahathir juga mahukan umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar bukan sekadar menumpukan pada reformasi atau penafsiran semula agama itu. Ini tidak bermaksud mereka harus kembali pada tahun 570 Masehi atau mengamalkan cara hidup pada zaman itu.

Para pemimpin dan umat Islam harus berusaha memastikan mereka mempunyai ilmu dan kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi sebarang cabaran. Tanpa kedua-duanya mereka terpaksa bergantung pada orang lain.

Ditanya mengenai apakah akan wujud sebuah kerajaan yang benar-benar mewakili aspirasi umat dan sarjana Islam, beliau berkata, kita harus memulakan langkah ke arah itu. Ia mungkin mengambil masa seratus tahun, tapi langkah itu harus dimulakan dari sekarang. Islam sebenarnya telah menyediakan asas untuk sebuah kerajaan yang sedemikian tetapi tradisi itu telah tidak dilanjutkan.

Prinsip kerajaan Islam seharusnya amat demokratik. Islam ialah agama yang membawakan konsep konsensus dalam proses membuat keputusan.

Tetapi terdapat kerajaan Islam kemudiannya yang tidak mematuhi prinsip ini. Pada akhirnya mereka terpesong daripada sistem kerajaan Islam yang sebenar, dan dari ajaran Islam yang tulen.

Kerana itu seorang pemimpin Islam yang ideal "mesti faham agamanya." Pemilihan pemimpin dalam Islam berlaku dengan cara yang cukup demokratik. Islam juga mempunyai *checks and balances* bagi memastikan pemimpinnya sentiasa di atas landasan yang betul. Malangnya ada kalanya umat Islam sendiri menerima bentuk pemerintahan autoritarian yang ditafsir menurut "cara Islam" mereka sendiri.

*The Minaret* juga menanyakan tentang persepsi Barat terhadap Islam. Dr. Mahathir berpendapat pendekatan konfrontasi setengah-setengah pihak

dalam Islam menyebabkan Barat mengangap Islam ialah ancaman baru setelah komunis jatuh.

"Kita tidak bersetuju dengan falsafah mereka (Barat), cara mereka mengeneppikan agama dan materialisme yang melampau. Pada waktu yang sama, kita harus mengakui bahawa mereka telah memperoleh dan mengembangkan pelbagai pengetahuan yang berguna untuk mereka dan juga turut

membantu kita. Kita harus bersedia belajar dan menguasai ilmu-ilmu ini kerana ini akan membolehkan kita membebaskan diri kita dari belenggu mereka. Tetapi kalau kita mengatakan kita menentang Barat dan menolak apa sahaja yang dikaitkan dengan mereka, kita sebenarnya mungkin menolak apa yang mungkin baik untuk kita," kata beliau.

Dr. Mahathir juga menyentuh tentang soal hak asasi. Barat tidak berhak mengkritik umat Islam atas dasar hak asasi setelah melihat apa yang berlaku di Bosnia. Barat sudah hilang kredibiliti. Namun demikian, itu tidak harus menjadikan kerajaan dan umat Islam mengeneppikan soal hak asasi. Menurut beliau, kita harus membuktikan kepada dunia bahawa umat Islam juga prihatin terhadap soal ini. Pada waktu yang sama kita harus buktikan juga bahawa Islam ialah agama yang percaya pada prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang mulia. "Kita harus buktikannya dengan tindak-tanduk dan bukan kata-kata," tegas beliau. "Inilah Islam yang sebenar."



*The Minaret*